

## **TERMA DAN SYARAT**

### **KEMPEN JOM BAYAR CUKAI TANAH NEGERI SEMBILAN TAHUN 2021**

---

1. Hanya cukai tanah yang dibayar penuh (termasuk tunggakan) sebelum atau pada 31 Mei 2021 sahaja.
2. Bayaran yang telah disahkan/diakaunkan di dalam Sistem Hasil Tanah Negeri Sembilan sahaja.
3. Terhadap hakmilik kategori "Pertanian dan Bangunan" sahaja (termasuk petak strata).
4. Pemilikan individu atau perkongsian individu sahaja.
5. Pemenang dipilih melalui kaedah cabutan bertuah atas talian.
6. Pemenang akan dimaklumkan melalui surat dan panggilan telefon. Juteru, pembayar cukai perlu mengemaskini alamat dan nombor telefon terkini bagi memudahkan pemakluman.
7. Pemenang diberikan masa 2 bulan untuk menuntut hadiah di Pejabat Tanah yang berkenaan.
8. Hadiah akan diberikan kepada penama yang tertera di alamat bil cukai sahaja (sila bawa bukti pembayaran bil cukai tanah semasa menuntut hadiah).
9. Sekiranya tiada tuntutan, cabutan seterusnya akan dibuat dan pemenang seterusnya diberikan masa yang sama iaitu 2 bulan untuk membuat tuntutan hadiah. Perkara ini akan diulang sehingga hujung tahun 2021.
10. Semua hadiah **TIDAK BOLEH** ditukar kepada wang tunai.
11. Segala keputusan adalah muktamad.